JUZU' KE-30

SURAH AL-MA'UN

SURAH KE

107

سُورَةُ المَاعُونِ

SURAH AL-MA'UN

Surah Pertolongan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

7

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

أَرَءَيْتَ ٱلَّذِى يُكَذِّبُ بِٱلدِّينِ ﴿١﴾

فَذَٰلِكَ ٱلَّذِى يَدُعُّ ٱلْيَتِيمَ ﴿٢﴾

وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿٣﴾

فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾

ٱلَّذِينَ هُمْ عَن صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾

ٱلَّذِينَ هُمْ يُرَآءُونَ ﴿٦﴾

وَيَمْنَعُونَ ٱلْمَاعُونَ ﴿٧﴾

"Adakah engkau lihat orang yang mendustakan agama?(1). Itulah orang yang menindas anak-anak yatim(2). Dan tidak menggalakkan memberi makanan kepada orang miskin(3). Kecelakaan bagi orang-orang yang melakukan solat(4). Yang lalai dari solat mereka(5). Juga orang-orang yang ria'(6). Dan orang-orang yang enggan memberi pertolongan."(7).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Dalam setengah-setengah riwayat, surah ini diturun di Makkah. Dan dalam setengah-setengah riwayat yang lain, surah ini turun di Makkah dan di Madinah (iaitu tiga ayat yang pertama turun di Makkah dan bakinya turun di Madinah). Riwayat yang akhir inilah riwayat yang terkuat. Walaupun keseluruhan surah ini merupakan satu kesatuan yang padu dan mempunyai tujuan yang satu untuk menerangkan satu hakikat umum dari hakikat-hakikat 'aqidah Islam yang hampir-hampir membuat kami cenderung menganggapkan sebagai satu surah yang turun di Madinah semuanya, kerana persoalan yang diperkatakan surah ini adalah dari persoalan ayat-ayat Al-Qur'an yang diturun di Madinah iaitu persoalan hipokrit dan ria' yang tidak terkenal di kalangan angkatan Muslimin Makkah, tetapi penerimaan riwayat yang mengatakan surah ini turun di Makkah dan Madinah tidaklah menjadi suatu halangan, kerana kemungkinan empat ayat yang akhir diturunkan di Makkah, kemudian dihubungkan dengan tiga ayat yang pertama, kerana kedua-duanya mempunyai keserupaan dan pertalian dari segi persoalan. Cukuplah sekadar ini sahaja agar kita dapat terus membicarakan maudhu' surah ini dan hakikat agung yang hendak diolahkannya.

* * * * * *

Surah yang kecil mengandungi tujuh ayat yang pendek ini adalah memperkatakan satu hakikat agama yang amat besar yang hampir-hampir mengubahkan sama sekali pengertian biasa iman dan kufur, di samping mengemukakan kepada hati manusia satu hakikat yang gemilang tentang tabi'at agama ini dan tentang kebajikan yang amat besar yang disediakan kepada manusia dalam agama ini, juga tentang rahmat yang sempurna yang hendak dilimpahkan Allah kepada manusia apabila Dia mengutuskan risalah terakhir ini kepada mereka.

Islam Bukan Agama Kulit Dan Agama Upacara

Agama Islam ini bukanlah agama rupa lahiriah dan agama upacaraan. Rupa bentuk ibadat yang zahir dan syi'ar-syi'arnya itu tidak membawa apa-apa erti selama ia tidak lahir dari hati yang ikhlas kerana Allah, iaitu keikhlasan yang meninggalkan kesan-kesan dalam hati yang mendorong seseorang ke arah melakukan amalan-amalan yang soleh atau kesan-kesan yang dapat dilihat dengan jelas dalam kelakuan dan kegiatan-kegiatan yang mendatangkan kebaikan dan kemajuan kepada kehidupan manusia di bumi ini.

Demikian juga agama Islam bukanlah ajaran-ajaran yang berasingan atau bahagian-bahagian yang berselerak dan terpisah satu dengan lain, di mana seseorang itu boleh membuat apa yang disukainya dan meninggalkan apa yang tidak disukainya, malah agama

Islam merupakan satu program yang sepadu iaitu kegiatan-kegiatan ibadat dan syi'ar-syi'arnya bekerjasama dengan tugas perseorangan dan tugas-tugas sosial dan semuanya menuju kepada satu matlamat kebaikan manusia, iaitu matlamat yang mendatangkan kebersihan kepada hati dan kebaikan kepada kehidupan), matlamat yang menjadikan manusia bekerjasama dan saling membantu dalam usaha kebajikan, kebaikan dan kemajuan, satu matlamat yang menggambarkan rahmat Allah yang sempurna terhadap para hamba-Nya.

Seseorang boleh mengaku dengan lidahnya bahawa dia adalah seorang Muslim yang beriman kepada

agama Islam dan ajarannya. Ia mungkin mendirikan solat dan melakukan ibadat-ibadat yang lain dari solat, namun hakikat keimanan dan kepercayaan terhadap agama ini masih jauh darinya, kerana hakikat keimanan itu mempunyai alamat-alamatnya yang membuktikan kewujudannya. Selama alamat-alamat itu tidak wujud, maka keimanan dan kepercayaan pun turut tidak wujud walaupun lidahnya mengaku dan walaupun ia berbuat ibadat.

Apabila hakikat keimanan bertunjang di hati, ia terus bergerak di dalam kegiatan-kegiatan amalan soleh untuk membuktikan kewujudannya, dan andainya pergerakan yang seumpama itu tidak ada, maka itulah bukti bahawa hakikat keimanan itu tidak wujud. Inilah pernyataan tegas dari surah ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

Bukti Keimanan Yang Sebenar

أَرَءَيْتَ ٱلَّذِى يُكَذِّبُ بِٱلدِّينِ ﴿١﴾

فَذَٰلِكَ ٱلَّذِى يَدُعُّ ٱلْيَتِيمَ ﴿٢﴾

وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿٣﴾

"Adakah engkau lihat orang yang mendustakan agama?(1). Itulah orang yang menindas anak-anak yatim(2). Dan tidak menggalakkan memberi makanan kepada orang miskin."(3)

Ayat ini dimulakan dengan pernyataan yang dihadapkan kepada siapa yang boleh melihat supaya melihat. Dan orang yang mendengar pertanyaan ini akan tertunggu-tunggu untuk melihat siapakah yang dituju oleh ayat ini, tiba-tiba jawapannya, **"Itulah orang yang menindas anak-anak yatim dan tidak menggalakkan memberi makanan kepada orang miskin."**

Mungkin jawapan itu memeranjatkan apabila dibandingkan dengan ta'rif keimanan yang biasa, tetapi jawapan itu sebenarnya merupakan intisari hakikat keimanan, iaitu orang yang mendustakan agama ialah orang yang menindas, menghina menyakiti anak-anak yatim dan tidak menggalakkan orang lain memberi makanan kepada orang-orang miskin. Jika benar ia mempercayai agama dan jika benar hakikat keimanan itu telah mantap di hatinya, tentulah dia tidak akan menindas anak-anak yatim dan tentulah dia tidak akan cuai memberi galakan supaya memberi makanan kepada orang miskin.

Hakikat mempercayai agama bukannya kata-kata yang dituturkan lisan, tetapi ialah suatu perubahan dalam hati yang mendorong seseorang membuat kebaikan dan kebaktian kepada saudara sesama manusia yang memerlukan pemeliharaan dan naungan. Allah tidak menghendaki kata-kata dari manusia, tetapi Allah mahukan tindakan-tindakan yang mengotakan kata-kata mereka. Tanpa tindakan, kata-kata itu kosong sahaja, tidak mempunyai sebarang nilai di sisi Allah.

Tiada yang lebih tegas dari tiga ayat tadi dalam menegakkan hakikat ini iaitu satu hakikat yang menggambarkan roh dan tabi'at 'aqidah Islam dengan gambaran yang setepat-tepatnya.

Di sini kami tidak mahu masuk ke dalam perdebatan Fiqhiyah mengenai ta'rif-ta'rif keimanan dan ta'rif-ta'rif Islam, kerana ta'rif-ta'rif Fiqhiyah itu adalah bertujuan dijadikan asas untuk ditegakkan hukum-hukum mu'amalat syari'yah di atasnya. Adapun di sini surah ini menjelaskan hakikat keagamaan yang sebenar mengikut pertimbangan Allah dan neraca-Nya, dan ini adalah satu perkara yang lain dari ta'rif-ta'rif yang zahir untuk ditegakkan hukum-hukum mu'amalat di atasnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 7)

Gambaran Keimanan Amali

Berdasarkan hakikat yang pertama ini, Allah memberi satu gambaran dari gambaran-gambaran keimanan yang amali:

فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾

ٱلَّذِينَ هُمْ عَن صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾

ٱلَّذِينَ هُمْ يُرَآءُونَ ﴿٦﴾

وَيَمْنَعُونَ ٱلْمَاعُونَ ﴿٧﴾

"Kecelakaan bagi orang-orang yang melakukan solat(4). Yang lalai dari solat mereka(5). Juga orang-orang yang ria'(6). Dan orang-orang yang enggan memberi pertolongan."(7)

Itulah do'a atau janji kebinasaan terhadap orang-orang yang melakukan solat sedangkan mereka lalai dari solat mereka. Siapakah orang-orang yang lalai dari solat itu? Mereka ialah:

Solat Bukan Harakat-harakat Yang Kosong Tanpa Penghayatan Jiwa Yang Ikhlas

ٱلَّذِينَ هُمْ يُرَآءُونَ ﴿٦﴾

وَيَمْنَعُونَ ٱلْمَاعُونَ ﴿٧﴾

"Orang-orang yang ria'(6). Dan orang-orang yang enggan memberi pertolongan."(7)

Mereka bersembahyang tetapi tidak mendirikan sembahyang. Mereka melakukan gerak-geri solat dan membaca segala bacaannya, tetapi hati mereka tidak menghayati bacaan-bacaan itu dan tidak hidup dengannya. Jiwa mereka tidak menghadirkan hakikat

solat dan hakikat isinya dari bacaan-bacaan, do'a-do'a dan tasbih-tasbih. Mereka bersembahyang kerana menunjukkan kepada orang lain bukannya kerana Allah, kerana itu mereka lalai dari solat dan tidak mendirikannya. Yang dituntut Allah ialah mendirikan solat bukannya semata-mata melakukan gerak-geri solat. Maksud mendirikan solat ialah menghadirkan hakikatnya dan menunaikannya dengan ikhlas kerana Allah Yang Tunggal.

Kerana itulah ibadat solat tidak meninggalkan kesan-kesannya di dalam jiwa orang-orang yang melakukan ibadat solat dengan kelalaian.

Mereka enggan memberi pertolongan dan enggan berbakti dan berbuat kebajikan kepada saudara-saudara mereka sesama manusia. Andainya mereka benar-benar mendirikan solat, tentulah mereka tidak akan enggan memberi pertolongan kepada hamba-hamba Allah yang lain. Inilah batu uji ibadat yang sebenar yang diterima Allah.

Demikianlah kita dapati diri kita sekali lagi berdepan dengan hakikat agama Allah, dan kita dapati satu nas Al-Qur'an yang mengecam orang-orang yang melakukan solat dengan 'azab kecelakaan yang besar kerana mereka tidak mendirikan solat dengan sebenar-benarnya. Mereka hanya melakukan gerak-geri yang tidak berjiwa dan tidak ikhlas kerana Allah. Mereka mengerjakan solat kerana ria'. Justeru itu ibadat solat mereka tidak meninggalkan kesan dalam hati mereka. Solat mereka bukan sahaja kosong dan sia-sia, malah merupakan maksiat yang menunggu balasan yang berat.

* * * * * *

Apa Yang Allah Mahu Dari Manusia

Marilah kita melihat apakah hakikat yang dikehendaki Allah dari para hamba-Nya apabila Dia mengutuskan para rasul membawa risalah-risalah-Nya untuk mengajak mereka supaya beriman kepada-Nya dan supaya menyembahkan-Nya. Sebenarnya Allah S.W.T. tidak berkehendak sesuatu apa dari manusia untuk kepentingan zat-Nya, kerana Allah Maha Kaya, malah Dia mahu mereka mendapatkan kebaikan dan kebajikan untuk diri mereka sendiri. Dia mahukan hati mereka menjadi bersih dalam hidup mereka mencapai kebahagiaan. Dia mahu mereka membina satu kehidupan yang luhur yang ditegakkan di atas perasaan yang bersih, saling membantu, murah hati, kasih mesra, rasa persaudaraan, kesucian hati dan tingkahlaku yang bersih.

Ke manakah umat manusia hendak pergi jauh dari kebajikan, rahmat dan mercu yang indah, luhur dan mulia ini? Ke manakah mereka hendak pergi meraba-raba di padang gurun jahiliyah yang gelap-gelita, celaka dan merana, sedangkan di hadapan mereka terpancar nur agama Allah di persimpangan jalan?

* * * * * *